Al Kahfi Services
www.alkahfi.com.my
facebook.com/
alkahfiservices

KANDUNGAN

Memburu Pahala 1000 Bulan	1
Bilakah Lailatul Qadar berlaku?	1
Amalan-amalan ketika Lailatul Qadar	2
I'tikaf Sunnah Yang Dilupakan	3
Hukum-Hakam I'tikaf	4
Adakah Wanita Boleh Beri'tikaf	4

Buletin al-Kahfi

EDISI 1 21 RAMADHAN 1433 HIJRAH

Memburu Pahala 1000 Bulan

Malam yang penuh keberkatan

Allah Ta'ala berfirman,

Sesungguhnya Kami menurunkannya pada suatu malam yang diberkati dan sesungguhnya Kami lah yang memberi peringatan. (3) Pada malam itu dijelaskan segala urusan yang penuh hikmah. (4) [Ad-Dukhan: 3-4].

Malam yang diberkati di atas bermaksud malam Lailatul Qadar. Ini berdasakan firman Allah Ta'ala di bawah:

"Sesungguhnya Kami telah menurunkannya (Al Quran) pada malam al-Qadar." [Al-Qadar: 1]

Kelebihan Malam al-Qadar,

1. Pahala amalan kebaikan digandakan lebih baik daripada jumlah pahala beramal selama 1000 bulan

2. Kesejahteraan sehingga masuk waktu Subuh

"Malam kemuliaan itu lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam itu turun malaikat-malaikat dan malaikat Jibril dengan izin Tuhannya untuk mengatur segala urusan. Malam itu (penuh) dengan kesejahteraan hingga terbitnya fajar." [Al Qadar: 3-5].

Abu Hurairah r.a berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: Telah datang kepada kamu bulan Ramadhan yang penuh keberkatan. Allah telah memfardhukan ke atas kalian untuk berpuasa. Pintu-pintu langit telah dibuka, pintu-pintu neraka telah ditutup. Syaitan-syaitan telah dirantai kerana Allah. Padanya terdapat satu malam yang lebih baik daripada seribu bulan. Sesiapa yang diharamkan daripada kebaikannya, maka sesungguhnya benar-benar di haram daripadanya. [Imam an-Nasaie dalam as-Sunan al-Sughra : 2089]

3. Keampunan buat yang menghidupkan malam tersebut

Abu Hurairah r.a meriwayatkan Nabi s.a.w bersabda: Sesiapa yang menghidupkan malam lailatulqadar dengan penuh keimanan dan mengharapkan (pahala), diampuni dosa-dosanya yang terdahulu. [Sahih al-Bukhari : 1778]

Adakah wujud tanda-tanda pada malam Lailatul Qadar?

Al-Hafiz al-Muhaddith `Abdul `Aziz Marzuq al-Tharifi berkata: Tanda-tanda sebelum dan ketika berlakunya malam al-Qadr itu tidak sahih kesemuanya, adapun selepas ia berlaku maka telah datang dalil sahih iaitu sebagaimana yang datang dalam al-Sahih bahawa pagi keesokan malam al-Qadr itu matahari terbit tanpa menyilau, tetapi petunjuk yang sahih ini berlaku selepas malam al-Qadr itu berlalu...

Ubay bin Ka'ab r.a berkata:

".. dan tanda-tandanya adalah matahari terbit di pagi hari dengan cerah namun tidak ada cahaya Matahari menyengat".

[Sahih Muslim : 1278]

Bilakah Lailatul Qadar Terjadi?

Bilakah Lailatul Qadar Terjadi?

Malam 10 akhir Ramadhan khususnya malam-malam ganjil

'Aisyah r.a berkata: Rasulullah s.a.w sering mengasingkan diri (beri'tikaf) pada sepuluh akhir Ramadhan. Baginda s.a.w bersabda: Carilah Lailatul Qadar pada sepuluh akhir Ramadhan [Sahih al-Bukhari : 1891]

'Aisyah r.a meriwayatkan, Rasulullah s.a.w bersabda: Carilah Lailatul Qadar pada malam-malam ganjil daripada sepuluh malam yang akhir di bulan Ramadhan [Sahih al-Bukhari : 1888]

Abu Bakrah r.a berkata Rasulullah s.a.w bersabda: Carilah (Lailatul Qadar) pada sembilan malam yang akhir, atau tujuh malam yang akhir, atau lima yang akhir, atau tiga malam yang akhir. [Sunan at-Tirmizi : 723, hasan sahih]

Amalan-Amalan Memburu Lailatul Qadar

Doa Malam Al-Qadar

Doa Malam Lailatul Qadar: ***'Aisyah r.a berkata: Aku pernah bertanya: Wahai Rasulullah s.a.w, apa pendapat engkau, seandainya aku mengetahui malam yang manakah adalah malam Lailatul Qadar, apa yang patut aku baca pada malam itu? Jawab baginda s.a.w : Bacalah :***

"اللَّهُمَّ إِنَّكَ عُفُوٌّ كَرِيمٌ

تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنِّي

Ya Allah, sesungguhnya Engkau Pemaaf Lagi Maha Mulia, Engkau jua Mencintaai Kemaafan, ampunilah aku

[Sunan at-Tirmizi : 3460, Imam at-Tirmizi berkata: Hadis Hasan Sahih]

<u>Amalan-Amalan Yang Perlu Untuk Memburu Pahala Lailatul Qadar</u>

Membanyakkan amal soleh secara umumnya melebihi kebiasaan yang dilakukan.

Antara amalan yang perlu diberi keutamaan ialah: -

a) Solat Terawih/Qiamullail

b) Membaca al-Quran

c) I'tikaf

Abu Hurairah r.a meriwayatkan: Nabi s.a.w biasa beri'tikaf pada setiap bulan Ramadhan selama sepuluh hari. Namun pada tahun wafatnya, Baginda s.a.w beri'tikaf selama dua puluh hari". [HR. al-Bukhari : 1914]

'Aisyah r.a meriwayatkan, Nabi s.a.w beri'tikaf pada sepuluh hari yang akhir dari Ramadhan sehingga Allah mengambil nyawanya, setelah kewafatan baginda isteri-isteri baginda pun beri'tikaf ."[HR. al-Bukhari : 1897 dan Muslim : 2013]

d) Bersungguh-sungguh beribadah

'Aisyah r.a berkata: Rasulullah s.a.w apabila masuk ke dalam sepuluh akhir (Ramadhan), baginda s.a.w akan menghidupkan malamnya (dengan ibadah), mengejutkan ahli keluarganya, dan memperketatkan kain sarungnya (menjauhi daripada melakukan hubungan seksual dengan isteri-isterinya) [Sahih al-Bukhari : 1895, dan Muslim : 2015]

'Aisyah r.a bekata: Rasulullah s.a.w sering berusaha bersungguh-sungguh (beribadah) pada sepuluh akhir (Ramadhan) melebihi kesungguhannya pada bulan-bulan yang lain [Musnad Ahmad : 23968]

Adakah wanita haidh mendapat pahala Lailatul Qadar?

Bolehkah Wanita Haidh Mendapat Lailatul Qadar

Juwaibir berkata : Aku bertanya kepada ad-Dhohak r.h.m : Adakah engkau berpendapat mereka yang haidh, musafir, dan tidur akan tetap memperolehi ganjaran Lailatul Qadar? Jawab ad-Dhahak : **Ya! Setiap orang yang Allah menerima amalannya, maka Allah akan memberi ganjarannya daripada malam Lailatul Qadar .**

Saudaraku, syarat untuk diterimanya amalan bukanlah sekadar pada usaha yang ada, sebaliknya ia bergantung kepada kebaikan hati, bukan jua sekadar pada amalan badan.

Boleh jadi orang yang bangun malam hanya memperolehi keletihan daripada bangunnya itu. Berapa ramai yang bangun malam haram (daripadanya kelebihan Lailatul Qadar) dan berapa ramai yang tidur dirahmati (dengan Lailatul Qadar) kerana tidurnya dalam keadaan hatinya mengingati Allah. Sedangkan yang bangun tadi hatinya busuk.

[Lathoif al-Maarif m/s : 166]

Oleh kerana itu, wanita-wanita yang haidh boleh melakukan apa-apa sahaja amal soleh seperti berzikir, berdoa, menjaga kanak-kanak di masjid ketika ibu bapa mereka terawih, menyediakan makanan sahur, membaca buku tafsir, mendengar bacaan al-Quran dan apa-apa sahaja yang bermanfaat

Amalan Minima Memburu Lailatul Qadar

Imam Ibn Rajab al-Hanbali r.h.m menyatakan:

Sebahagian ulama mazhab Syafie menakalkan riwayat daripada Ibn 'Abbas r.a bahawa menghidupkan malam Lailatul Qadar akan terhasil apabila seseorang mendirikan solat 'Isya' secara berjemaah dan berazam untuk melakukan solat Subuh secara berjemaah jua. Imam Malik merekodkan dalam al-Muwatta' bahawa Imam Ibn al-Musayyib berkata:

Sesiapa yang bertemu dengan Lailatul Qadar bermaksud (yang mendirikan solat) dalam berjemaah (pada malam tersebut), maka dia akan memperolehi kebaikan malam itu. Begitu jualah yang dikatakan oleh Imam asy-Syafie r.h.m dalam pendapat lamanya : Sesiapa yang mendirikan solat Isya' dan Subuh pada malam Lailatul Qadar, maka dia akan memperoleh kebaikannya. [Lathoif al-Maarif m/s 159]

I'tikaf Sunnah Yang Dilupakan

Definisi I'tikaf: Dari segi bahasa: I'tikaf bermakna :berdiam di suatu tempat untuk melakukan sesuatu pekerjaan ; yang baik mahupun yang buruk dan tetap dalam keadaan demikian.

Dari segi istilah: I'tikaf bermaksud duduk di masjid dalam rangka ibadah yang dilakukan oleh orang yang tertentu, dengan sifat atau cara yang tertentu dan pada waktu yang tertentu (Lihat Fathul Bari 4 : 344)

Dalil-Dalil Pensyariatan I'tikaf:

Dalil al-Quran:

"Dan janganlah kamu campuri mereka itu, sedang kamu beri`tikaf dalam mesjid"(Al Baqarah : 187)

Dalil-dalil As-Sunnah:

Dari Abu Hurairah radiallahu 'anhu, beliau berkata:

"Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam biasa beri'tikaf pada bulan Ramadhan selama sepuluh hari. Namun pada tahun wafatnya, Baginda beri'tikaf selama dua puluh hari". [HR. al-Bukhari no. 2044]

'Aisyah radiallahu 'anha berkata:

"Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam beri'tikaf pada sepuluh hari yang akhir dari Ramadhan sehingga Allah mengambil nyawanya, setelah kewafatan baginda isteri-isteri baginda pun beri'tikaf ."[HR. al-Bukhari no. 2026 dan Muslim no. 1172]

Hukum I'tikaf

Al-Imam Ibn al-Munzir berkata: Para ulama' telah bersepakat/ijma' bahawa I'tikaf adalah sunat, dan bukan kewajipan kecuali jika seseorang bernazar mewajibkan dirinya untuk melakukan I'tikaf [Al Mughni, 4/456]

Al-Imam Ibn Arabi al-Maliki dan Ibn Batthal rahimahumallah menyatakan bahawa I'tikaf merupakan sunnah muakkadah/sunat yang sangat dituntut kerana Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wassalam tidak pernah meninggalkannya.

Bilakah I'tikaf dilakukan?

Waktu I'tikaf

I'tikaf boleh dilakukan pada bila-bila masa, dan ia sangat ditekankan pada 10 hari akhir Ramadhan kerana Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wassalam sentiasa melakukannya.

Batasan Waktu:

Ulama' bersepakat bahawa I'tikaf tidak mempunyai had masa maksima, akan tetapi mereka berbeza pendapat tentang minimum waktu I'tikaf.

Majoriti ulama' berpendapat bahawa tiada masa minima untuk I'tikaf. I'tikaf sah walau hanya duduk seketika di dalam masjid. Al-Imam An-Nawawi rahimahullah berkata: "Adapun tentang minima tempoh I'tikaf, pendapat yang benar yang diputuskan oleh jumhur ulama' ialah disyaratkan berada di dalam masjid, dan dibenarkan melakukannya dalam tempoh yang panjang mahupun pendek, hatta walau satu jam mahupun seketika" [al-Majmu', 6/514]

Shaikh Ibn Bazz menyatakan bahawa Imam Abu Hanifah dan sebahagian ulama' Maliki berpendapat tempoh minima ialah satu hari. [Majmu' al-Fatawa 15/441]

Di manakah I'tikaf dilakukan

Al-Hafiz Ibnu Hajar rahimahullah berkata, "Para ulama bersepakat bahawa disyaratkan melakukan i'tikaf di masjid."[Fathul Bari, 4/271]

Ini berdalilkan ayat berikut ayat 187 surah al-Baqarah: "….. Sedang kamu beri'tikaf dalam masjid".

Para ulama' berbeza pendapat apakah ia sah dilakukan di semua masjid yang mendirikan solat lima waktu berjemaah, atau hanya untuk masjid jami'/masjid yang dilakukan solat fardhu Jumaat.?

Imam Malik Rahimahullah berpendapat ia sah dilakukan di mana-mana masjid yang didirikan solat fardhu lima waktu secara berjemaah [di dalam istilah di Malaysia, dipanggil surau/musolla]

Al-Imam asy-Syafie Rahimahullah pula mensyaratkan agar ia dilakukan di masjid jami'/masjid yang melakukan solat fardhu Jumaat [Al Mughni, 4/462] agar orang tersebut tidak perlu ke tempat lain untuk mendirikan solat Jumaat.

Faedah-Faedah I'tikaf

1. I'tikaf merupakan wasilah (cara) yang digunakan oleh Nabi Salllahu 'Alaihi Wassalam untuk mendapatkan malam Lailatulqadar
2. Orang yang melakukan i'tikaf akan dengan mudah mendirikan solat fardhu berjamaah berterusan bahkan dengan i'tikaf seseorang selalu beruntung atau paling tidak berpeluang besar mendapatkan saf pertama
3. I'tikaf membiasakan jiwa untuk suka berlama-lama tinggal di dalam masjid, dan menjadikan hatinya terpaut pada masjid
4. I'tikaf akan menjaga puasa seseorang daripada perbuatan-perbuatan dosa. Ia juga merupakan sarana untuk menjaga mata dan telinga daripada hal-hal yang diharamkan
5. I'tikaf membiasakan hidup sederhana, zuhud dan tidak tamak terhadap dunia yang sering membuatkan ramai manusia tenggelam dalam kenikmatannya.

Perkara Yang Boleh Dilakukan Ketika I’tikaf

1) Keluar masjid disebabkan ada hajat yang mesti ditunaikan seperti keluar untuk makan, minum, dan hajat lain yang tidak mampu dilakukan di dalam masjid.
2) Melakukan hal-hal harus seperti bercakap-cakap dengan orang lain.
3) Isteri mengunjungi suami yang beri’tikaf dan berdua-duaan dengannya.
4) Mandi dan berwudhu di masjid.
5) Membawa kelengkapan tidur seperti tilam, bantal untuk tidur di masjid.

Perkara-Perkara Yang Membatalkan I’tikaf

1) Keluar masjid tanpa alasan syar’i dan tanpa ada keperluaan yang mendesak.

2) Jima’ (bersetubuh) -Ibn al-Munzir telah menukil ijma’/kesepakatan ulama’ bahawa yang dimaksudkan dengan mubasyaroh dalam surat Al Baqarah ayat 187 adalah jima’ (hubungan intim) [Fathul Bari, 4/272]

Bilakah Bermulanya I’tikaf 10 Akhir Ramadhan

Pendapat pertama: Masuk ke masjid sebelum masuk waktu Maghrib 20 Ramadhan. Ini merupakan pendapat jumhur empat mazhab.

Pendapat kedua: Selepas Solat Subuh 21 Ramadhan. Ini merupakan pendapat Al-ImamAl Auza’ie, Al-Laits dan At-Tsauri, Al Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani dan Al-Imam As-Son’ani Rahimahumullah. Mereka berdalilkan hadis berikut:

“Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam biasa beri’tikaf pada bulan Ramadhan. Apabila selesai solat Subuh, baginda masuk ke tempat I’tikaf baginda. [HR. al-Bukhari no. 2041].

Untuk lebih berhati-hati dicadangkan agar mengambil pendapat pertama agar tidak terlepas malam Lailatulqadar seandainya ia berlaku pada malam 21 Ramadhan.

Ulama jua berbeza pendapat pada waktu bilakah kita perlu keluar daripada masjid, pada Maghrib hari terakhir Ramadhan, atau selepas solat Aidilfitri.

Bolehkah wanita melakukan I’tikaf?

Bolehkah wanita melakukan I’tikaf?

Ini berdasarkan dalil berikut: ‘Aisyah radiallahu ‘anha berkata,

“Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam biasa beri’tikaf pada bulan Ramadhan. Apabila selesaiSolat Subuh, baginda masuk ke tempat I’tikaf baginda. Dia (Yahya bin Sa’id) berkata: Kemudian ‘Aisyah radiallahu ‘anha meminta izin untuk beri’tikaf , maka baginda mengizinkannya. ” [HR. al-Bukhari no. 2041]

‘Aisyah radiallahu ‘anha berkata:

“Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam beri’tikaf pada sepuluh hari yang akhir dari Ramadhan sehingga Allah mengambil nyawanya, setelah kewafatan baginda isteri-isteri baginda pun beri’tikaf .”[HR. Bukhari no. 2026 dan Muslim no. 1172]

Akan tetapi wanita tersebut hendaklah mendapat keizinan daripada suami, keadaan yang aman daripada fitnah, serta tidak melakukan perkara yang melanggar syara’ seperti berwangi-wangian, berhias-hias dan sebagainya.

Amalan-Amalan Ketika I’tikaf

Seseorang hendaklah menyibukkan diri dengan melakukan ketaatan seperti berdoa, zikir, berselawat pada Nabi, mempelajari Al-Quran dan mengkaji Al-Hadis. Dimakruhkan menyibukkan diri dengan perkataan dan perbuatan yang tidak bermanfaat. [Shahih Fiqh Sunnah, 2/150-158]

Seseorang hendaklah sentiasa menjaga kebersihan diri ketika beri’tikaf. Dia hendaklah memakai wangi-wangian, berpakai yang elok, mandi, bersikat rambut. Ini terbukti pada kisah ‘Aisyah menyikatkan rambut Nabi Sallallahu ‘Alaihi Wassalam ketika baginda sedang beri’tikaf.

Kebersihan dan kekemasan masjid juga hendaklah dijaga.